

5



Jabatan Bendahari

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX
Tarikh 24 Februari 2014

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2014

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/Pusat/Jabatan/ Bahagian/Unit/Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia,

YBhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

TANGGUNGJAWAB MENJAGA ASET ALIH UNIVERSITI


Dengan hormatnya perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset UKM Bil 1/2014 adalah dirujuk.

2. Tujuan pekeling ini adalah untuk memantapkan pengurusan aset alih universiti di bahagian Bab C : Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan yang dinyatakan di dalam Pekeling Bendahari Bil 2/2013 : Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti.
3. Unit Pengurusan Aset bertanggungjawab untuk menguruskan tuntutan insuran mengenai kehilangan aset alih universiti. Mengikut rekod antara tahun 2010 hingga 2013 kebanyakan aset alih universiti yang telah dilaporkan hilang tidak mempunyai penama yang bertanggungjawab untuk menjaga atau menggunakan atau menguruskan aset alih yang telah dibeli oleh PTJ.
4. Contohnya kakitangan yang diberi tanggungjawab untuk memegang kunci dewan kuliah perlu memastikan LCD projektor di dalam Dewan Kuliah berada di dalam keadaan baik dan digunakan mengikut fungsi sebenar seperti yang terdapat dalam manual/buku panduan pengguna.
5. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dipohon untuk memastikan setiap aset alih yang telah dibeli atau yang sedia ada di jabatan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan perlu menamakan kakitangan untuk bertanggungjawab ke atas aset alih tersebut. Tanggungjawab ini perlu dimasukkan dalam senarai tugas kakitangan berkenaan.
6. Sekiranya perkara ini tidak dilaksanakan dan berlaku kejadian yang tidak diingini, aset alih yang hilang akan menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan.

Sebarang pertanyaan hendaklah dimajukan kepada Pn Hamizah Abdul Rahman, Ketua Unit Pengurusan Aset di talian 03-89215459 atau email kepada unitaset@ukm.my.

Sekian, terima kasih

Yang benar,



DATO' MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua, Unit Audit Dalam